

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2

Perbaiki ekonomi lebih utama

Perbaiki ekonomi lebih utama

Rafizi tidak kejar populariti, tunai tanggungjawab sebagai menteri lebih penting

KUALA LUMPUR

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menegaskan bukan populariti yang dicari, sebaliknya menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai menteri ada-

lah keutamaan beliau. Menurutnya, jika mahu mencari perhatian, maka lebih baik beliau memasuki program realiti berbanding politik.

Ahli Parlimen Pandan itu menjelaskan, tujuannya menjadi ahli politik adalah mengembalikan kestabilan negara khususnya ekonomi.

"Kalaupun ahli politik tindakan dan keputusan itu semata-mata untuk meraih populariti, lebih baik saya masuk Gegar Vaganza."

"Saya sebagai ahli politik tidak terlalu terikut-terikut (untuk popular) supaya 'dilambung' dan 'dimain' oleh pihak media atau media sosial."

"Tugas saya sebagai menteri ialah memperbaiki keadaan struktur ekonomi yang ada sekarang ini," katanya ketika sidang akhbar selepas majlis pelancaran Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Cempaka, Ampang di sini pada Ahad.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai tahap



Rafizi pada majlis pelancaran Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di stesen LRT Cempaka, Kuala Lumpur pada Ahad.

sokongan dan keyakinan terhadap Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas 100 hari dibentuk.

Ia berdasarkan hasil kaji selidik secara dalam talian bermula 6 hingga 16 Februari lalu melibatkan 35,077 responden di seluruh negara merangkumi semua etnik iaitu Melayu Semenanjung, Cina, Bumiputera Sarawak dan Sabah, India serta lain-lain kaum.

Kaji selidik Tinjauan Rakyat Malaysia itu dijalankan oleh lima media arus perdana iaitu Sinar Harian, Awani, The Star, Sin

Chew dan Malaysia Nanban dengan kerjasama firma penyelidikan, O2 Malaysia.

Hasil kajian itu mendapat tahap sokongan dan keyakinan dalam kalangan orang Melayu rendah berbanding dengan bukan Melayu dan masyarakat Bumiputera di Sabah serta Sarawak yang lebih positif.

Selain itu, kaji selidik tersebut turut menyenaraikan tahap kepuasan hati rakyat terhadap prestasi menteri.

Menurut Rafizi, beliau tahu rakyat kurang 'gemar' dengannya kerana soal harga barang yang naik mendadak, yang dilihat kini bukan membantu naumun

menambah beban mereka.

Ujarnya, perkara itu tidak boleh diselesaikan dalam tempoh pendek dan sukar dilakukan dengan keadaan ekonomi sekarang, ditambah lagi dengan hutang negara yang begitu tinggi.

Jelas beliau lagi, untuk menurunkan harga barang, kerajaan perlu mengatasi dari segi pembekalan dan permintaan dan melibatkan orang ramai.

"Saya faham yang betul-betul diperhatikan rakyat hari ini adalah soal harga barang, perkara ini bukan sesuatu yang boleh diselesaikan dalam tempoh satu hingga tiga minggu."

"Sebab itu sama dengan soal perancangan ekonomi, kita ada masalah struktur yang besar dan tiada wang seperti sebelum ini, (dan) hutang RM1.5 trillion."

"Sebagai kerajaan dan ahli politik kita menumpukan kepada penyelesaian masalah jangka panjang."

"Justeru, ahli politik tidak boleh mengharapkan orang untuk berterima kasih atau merasakan kita sudah menjalankan kerja," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau yakin apabila sampai masanya rakyat akan kurang bercakap kerana masalah dihadapi sudah berjaya diselesaikan mengikut jangka masa yang ditetapkan.



Laporan Sinar Harian semalam.